

**STRATEGI KETENTERAAN SULTAN
MUHAMMAD
AL-FATIH**

**MOHD AZRA BIN HAIRANI
PID20241**

**FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM PENGKHUSUSAN BAHASA ARAB
DAN TAMADUN ISLAM
UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH
(UnIPSAS)**

2023

**STRATEGI KETENTERAAN SULTAN
MUHAMMAD AL-FATIH**

MOHD AZRA BIN HAIRANI

PID20241

**PROJEK ILMIAH YANG DIKEMUKAKAN ADALAH UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK
DIANUGERAHKAN DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM
PENGKHUSUSAN BAHASA ARAB DAN TAMADUN ISLAM**

2023

PENGAKUAN

Saya dengan ini mengakui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh: 10 Mac 2023

Tandatangan :

Nama Calon : Mohd Azra bin Hairani

Nombor Matrik: PID20241

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan penyelidikan ini mengikut masa yang ditetapkan. Alhamdulillah. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Nurul Shuhada Binti Ismail @ Musah, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam menyiapkan penyelidikan ini. Segala bantuan, cadangan dan tunjuk ajar beliau mengenai kaedah yang betul menjalankan kerja penyelidikan serta tidak dilupakan juga kepada barisan pensyarah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) yang sudi berkongsi pengalaman sepanjang pengajian ini. Tidak terkecuali juga kepada ahli keluarga yang banyak memberi sokongan termasuk ibu, isteri dan anak. Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan penyelidikan ini. Semoga penyelidikan ini dapat mendatangkan manfaat terutamanya kepada para pelajar pengajian Tamadun Islam bagi penyelidikan penyelidikan seterusnya .

ABSTRAK

Kajian ini memberi tumpuan kepada topik strategi ketenteraan Sultan Muhammad al-Fatih sepanjang pemerintahan baginda dari tahun 1451 hingga 1481. Sultan Muhammad al-Fatih adalah seorang tokoh kepimpinan kerajaan Uthmaniyyah yang bijaksana dan berbakat dalam kepimpinan dan seorang pemimpin yang wajar diketengahkan sebagai contoh kepada seluruh kepimpinan Islam khasnya. Kebijaksanaan beliau dapat dilihat melalui strategi ketenteraan beliau sehingga berjaya menentang musuh dalam setiap operasi ketenteraan. Objektif utama artikel ini adalah untuk menganalisis dan menyenaraikan strategi ketenteraan yang diketengahkan oleh Sultan Muhammad al-Fatih dalam beberapa siri peperangan dan pembukaan wilayah-wilayah taklukan sehingga memberi kejayaan besar kepada kerajaan Uthmaniyyah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui rujukan kajian sejarah dan analisis kandungan sumber primer dan sekunder dalam kajian kerajaan Uthmaniyyah. Kajian ini merangkumi strategi perang Sultan Muhammad al-Fatih melalui dua peringkat iaitu strategi perang dirangka sebelum perang dan strategi perang dicetus semasa perang sedang berlangsung.

SENARAI KANDUNGAN

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
SENARAI KANDUNGAN	iv-v
SENARAI SIMBOL / SINGKATAN / ISTILAH / TATANAMA	vi
 BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Latar Belakang kajian	1-3
1.2 Permasalahan kajian	4
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Limitasi Kajian	5-6
1.6 Pengertian Tajuk	7-8
1.7 Metodologi Kajian	8
1.8 Metodologi Penentuan Subjek	8
1.8.1 Metode Pengumpulan Data dan Maklumat	9
1.8.2 Metode Penganalisaan Data	9
1.9 Ulasan Kepustakaan	10-11
1.10 Susunan Bab	11-13
 BAB 2: LATAR BELAKANG SEJARAH DAN BAKAT KEPIMPINAN SULTAN MUHAMMAD AL-FATIH	
2.1 Pengenalan	14-15
2.2 Bakat Kepimpinan Sultan Muhammad al-Fatih	16
2.2.1 Akhlak dan Etika Sultan Muhammad al-Fatih	16-18
2.2.2 Pembangunan Rohani dan Fizikal	18-20
 BAB 3: STRATEGI KETENTERAAN SULTAN MUHAMMAD AL-FATIH	
3.1 Pengenalan	21-23
3.2 Strategi Ketenteraan	23-24
3.2.1 Mengukuhkan Angkatan Laut dan Darat	24-27
3.2.2 Membuat Perjanjian dengan Negara Eropah dan Membina Jalan Perhubungan	27-28
3.2.3 Membina Kubu dan Penempatan Meriam Berhampiran Kota Konstantinopel	28-32
3.2.4 Perubahan Strategi Perang	32-33
3.2.5 Mengelirukan Musuh dengan Memindahkan Kapal Melalui Jalan Darat	33-35
3.2.6 Penggalian Terowong dan Melancarkan Serangan	35-39
3.2.7 Sikap dan Layanan Uthmaniyyah kepada Seluruh Penduduk Kristian dan Yahudi	39-41

BAB 4: RUMUSAN DAN HASIL DAPATAN KAJIAN

4.1 Rumusan	42-43
4.2 Cadangan	44
4. Penutup	45

RUJUKAN 46-48**LAMPIRAN** 49-57

SENARAI SIMBOL / SINGKATAN / ISTILAH / TATANAMA

H	: Hijrah
M	: Masihi
Bil.	: Bilangan
Dr.	: Doktor
Sdn. Bhd.	: Sendirian Berhad
Ltd.	: Limited
DBP	: Dewan Bahasa dan Pustaka
Hlm.	: Halaman
UK	: United Kingdom
UM	: Universiti Malaya
USIM	: Universiti Sains Islam Malaysia
UKM	: Universiti Kebangsaan Malaysia
Golden Horn	: Tanduk Emas (muara di perairan Bosphorus, Turki)
LLC	: Limited Liability Company
SAW	: Sallallahu Alaihi Wasallam
UNISZA	: Universiti Sultan Zainal Abidin
Vol.	: Volume
Ed.	: Edition
“Ghazi”	: Kepahlawanan Islam bagi bangsa Turki
“Khan”	: Merujuk kepada entiti politik yang diperintah (Turki-Mongol)
“Caesar”	: Digunakan masyarakat Rom sebagai gelaran unutk penguasa atau Maharaja

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Sultan Muhammad al-Fatih dilahirkan pada 29 Mac 1432 bersamaan 26 Rejab 833 Hijrah di Adrianapolis dan meninggal dunia pada 3 Mei 1481 pada usia 53 tahun dipercayai diracun (Abu Aisyah, 2014; Abdul Latip Talib, 2010) setelah menguasai pemerintahan selama hampir 30 tahun. Baginda terlibat memimpin sendiri hampir 25 kempen peperangan pada zamannya (Muhammad Syaari Abdul Rahman, 2013). Baginda mula menaiki takhta menggantikan ayahnya Sultan Murad ketika berumur 19 tahun. Baginda mula memerintah kerajaan Uthmaniyyah ketika berusia 22 tahun iaitu selepas kematian bapanya pada 16 Muharram, 855 H bersamaan 18 Februari, 1451 M (al-Sallabi, 2009). Sultan Muhammad al-Fatih menaiki takhta kerajaan Uthmaniyyah pada tahun 1451 ketika berusia 19 tahun iaitu seusai kemangkatan Sultan Murad II (Ammalina Dalillah Mohd Isa, Roziah Sidik @ Mat Sidek, 2014; Ezad Azraai Jamsari et al., 2014). Ketika pemerintahannya, Baginda menjadikan Adrianopel sebagai pusat pemerintahan dan ibu kota bagi merintis jalan menakluk Konstantinopel. Penaklukan Konstantinopel berlaku pada 29 Mei 1453 bersamaan 20 jamadil awal 857 hijrah ketika baginda berusia 21 tahun.

Sesudah penaklukan kota Konstantinopel ditukar nama kepada Islamboul (Istanbul) bermaksud Islam sepenuhnya, yang mana kota ini dilingkungi dua bahagian itu Asia dan Eropah. Selat Bosphorus menjadi penghubung keduanya. Usaha menakluk kota Konstantinopel pernah dilakukan oleh bangsa Gothik, Parsi, Bulgaria dan Rusia tetapi menemui kegagalan. Operasi-operasi penaklukan oleh umat Islam bermula semenjak hadis yang diucapkan Rasulullah S.A.W berkenaan penaklukan Konstantinopel. Rasulullah S.A.W di dalam hadis pembukaan Konstantinopel kelak. Rasulullah s.a.w sendiri ketika baginda menggali Parit Khandaq telah bersabda:

لَتُفْتَحَّ الْقُسْطَنْطِينِيَّةُ وَلِنَعْمَ الْأَمِيرُ أَمِيرُهَا وَلِنَعْمَ الْجَيْشُ ذَلِكَ الْجَيْشُ

“Konstantinopel (kini Istanbul) akan jatuh ke tangan tentera Islam. Rajanya adalah sebaik-baik raja, tenteranya adalah sebaik-baik tentera.....” (Hadis riwayat Ahmad)

Setelah hampir 800 tahun hadis ini disabdarkan oleh nabi Muhammad S.A.W dan iaanya menjadi kenyataan (Sukki, Muhammad, 2014). Kota Konstantinopel telah berjaya ditakluki oleh tentera Islam yang diketuai oleh Sultan Muhammad Al-Fatih pada 29 Mei 1453 bersamaan 20 Jamadil Awal 857 Hijrah ketika beliau berusia 21 tahun (Abdul Latip Talib, 2010; Ammalina & Roziah, 2014; Ezad Azraai Jamsari et al., 2014, Freely, 2010).

Sultan Muhammad al-Fatih adalah merupakan satu-satunya seorang sultan merangkap ketua tentera yang berjaya mengalahkan Constantine IX, menembusi garisan pertahanan Byzantine dan menakluki Konstantinopel yang tidak pernah berjaya dilakukan oleh sultan-sultan dan panglima-panglima Islam sebelum ini (Ezad Azraai Jamsari, Ammalina Dalillah Mohd Isa & Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari, 2014).

Kejayaan Sultan Muhammad al-Fatih menakluk Konstantinopel telah mencapai satu peringkat yang tinggi dalam sejarah perkembangan dakwah Islamiah serta mendapat faedah sama ada dari sudut strategi ketenteraan dan faedah ekonomi terutamanya melalui perdagangan rempah (Muhammad Syaari Abdul Rahman, 2013).

Kejatuhan Konstantinopel kepada empayar Uthmaniyyah dibawah pemerintahan Sultan Muhammad al-Fatih menandakan berakhirnya empayar Byzantine dan memberikan tamparan hebat kepada kerajaan Kristian Barat, manakala bangsa Turki mengukuhkan kedudukan mereka di Eropah serta meluaskan wilayah penguasaan mereka di Balkan dan Mediterranean (Muhammad Syaari Abdul Rahman, 2013). Ketokohan kepimpinan baginda sama ada dari sudut ketenteraan memainkan peranan yang besar ke atas penaklukan Konstantinopel. Penyelidikan ini akan memberi tumpuan mengenai sudut strategi ketenteraan kerajaan Utmaniyyah pada era Sultan Muhammad al-Fatih sehingga mampu menguasai Byzantine serta meluaskan empayar kekuasaan kerajaan Uthmaniyyah.

1.2 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian utama bagi kertas kerja ini adalah bagi mengenalpasti strategi strategi utama yang dilakukan oleh Sultan Muhammad al-Fatih sehingga membawa kejayaan yang besar kepada kerajaan Uthmaniyyah iaitu menguasai kerajaan Konstantinopel seterusnya meluaskan pemerintahannya ke beberapa wilayah yang luas.

Selain itu, permasalahan kajian ini adalah bagi menjelaki faktor atau penyebab yang menyebabkan Sultan Muhammad al-Fatih mengubah strateginya setelah berlaku beberapa masalah dan tekanan dari pihak Byzantine. Faktor dan punca yang berlaku dalam keadaan getir inilah menyebabkan perubahan dalam strategi serangan dan sebagainya.

Tambahan pula, penulis akan merungkai permasalahan-permasalahan yang timbul ketika perang serta keadaan yang membahayakan kepada tentera Islam yang menyebabkan berlaku beberapa strategi yang membawa kejayaan.

Walaubagaimanapun, penulis akan cuba memberikan gambaran yang jelas melalui beberapa bahan tulisan sejarah Uthmaniyyah seperti karya Mesut Uyar and Edward J. Erickson di dalam buku bertajuk *A Military History Of The Ottoman From Osman To Attaturk* dan *Sultan Muhammad Al Fateh The Conqueror Of Constantinople* karya Dr. Ali Muhammad Al-Salaabi.

1.3 Persoalan Kajian

Berikut merupakan beberapa persoalan berkaitan dengan penulisan, antaranya:

- i. Bagaimakah kronologi peperangan dan strategi yang timbul sebelum dan ketika perang.
- ii. Apakah faktor yang menyebabkan usaha penaklukan dan perancangan perancangan yang mula dilakarkan bagi menjayakan misi penaklukan?
- iii. Apakah sumbangan besar Sultan Muhammad al-Fatih dan tentera Uthmaniyyah kepada Daulah Islamiyyah?

1.4 Objektif Kajian

Terdapat dua objektif utama yang hendak dicapai iaitu: Pertama, untuk mengenal pasti strategi-strategi utama yang merintis kepada kejayaan Sultan Muhammad al-Fatih dalam usaha penaklukan kota Konstantinopel. Kedua, untuk mengenal pasti perancangan rapi peperangan, pentadbiran, kelengkapan senjata, persediaan dari sudut kerohanian dan semangat jihad yang kental yang didorong oleh Sultan Muhammad al-Fatih ke atas penaklukan Konstantinopel.

1.5 Limitasi Kajian

Penulis ingin menekankan bahawa kajian ini hanya ditumpukan kepada sudut ketenteraan dan strategi-strategi yang dirintis oleh Sultan Muhammad al-Fatih

manakala perkara perkara lain yang berkaitan kerajaan Uthmaniyyah hanyalah sekadar pengenalan dan pembukaan sahaja.

Selain itu, penulis juga tidak akan membahas secara mendalam berkenaan semua perkara dari sudut ketenteraan sama ada berkaitan teknologi pembuatan senjata dan sebagainya, perkara yang dibincangkan hanyalah berkaitan strategi ketenteraan dan tidak begitu menekankan secara terperinci berkaitan bagaimana teknologi dihasilkan dan sebagainya kerana keterbatasan kajian. Ia adalah penting bagi penulis supaya dapat mengecilkan lagi skop kajian dan menumpukan hanya pada perkara asas dalam penulisan ini iaitu strategi peperangan supaya lebih terfokus dan tersusun.

Tambahan pula, penulis hanya akan membahas apa yang terdapat di dalam bahan-bahan rujukan primer dan sekunder yang telah dikenalpasti kesahihannya. Sekiranya terdapat percanggahan fakta dan informasi, penulis memohon kemaafan atas segala kekhilafan yang berlaku.

Walaubagaimanpun, penulis akan cuba memberikan satu gambaran yang jelas kepada para pembaca sekalian berkenaan strategi-strategi yang dicetus oleh Sultan Muhammad al-Fatih sehingga membuatkan kejayaan yang besar dalam usaha menakluk Konstantinopel dan seterusnya meluaskan kuasa ke wilayah-wilayah lain.

1.6 Pengertian Tajuk

Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat menyatakan bahawa perkataan strategi bermaksud ilmu tentang cara-cara merancang dan melaksanakan tindak tanduk perperangan, ilmu siasat perang; 2. Siasat perang, taktik perang; 3. Siasat (muslihat) untuk mencapai sesuatu maksud; 4. Rancangan yang teratur (yang memperhitungkan pelbagai faktor) untuk mencapai matlamat atau kejayaan ; ~dua (tiga) serampang strategi yang terdiri daripada dua (tiga) rancangan atau pendekatan yang utama yang dilaksanakan sekali gus atau secara bersepada. Sepertimana kajian ini, ia adalah penyelidikan tentang strategi-strategi utama ketenteraan Sultan Muhammad al-Fatih (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017).

Sementara itu, utama bermaksud penting sekali, terpenting: 2. Paling baik, amat baik, terbaik: mengutamakan, menganggap lebih penting daripada yang lain, menganggap utama, terpenting. Hal ini bertepatan dengan pemilihan strategi yang utama dalam pelaksanaan ketika operasi ketenteraan kerajaan Uthmaniyyah (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017) .

Selain itu, ketenteraan bermaksud: perihal tentera: iaitu sesuai dengan perihal kajian ini yang melibatkan sudut ketenteraan dan terbatas dari sudut dan perkara perkara selain dari itu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017).

Manakala, pengertian sultan merujuk kepada (yang memerintah), Kesultanan 1. Kawasan (wilayah) yang diperintah oleh sultan, kerajaan, (negeri di bawah

pemerintahan sultan); 2. Istana sultan: 3. Kedudukan (taraf) dan kekuasaan dan pemerintahan sultan ianya sesuai dengan kajian yang mengfokuskan kepada pemerintahan Sultan al-Fatih dalam merangka strategi ketenteraan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017).

1.7 Metodologi Kajian

Berdasarkan tajuk yang dipilih, kajian ini secara keseluruhannya akan menggunakan kajian kepustakaan untuk mendapatkan sumber-sumber sahih bagi membantu penulis mengkaji dan memahami permasalahan dengan lebih mudah. Bahan-bahan utama yang diperoleh untuk dijadikan sebagai rujukan adalah seperti buku-buku, artikel-artikel, jurnal-jurnal dan juga beberapa sumber lain.

1.8 Metodologi Penentuan Subjek

Menerusi metode ini, penulis memberi tumpuan kepada bentuk ketenteraan serta strategi yang dimainkan atau digunakan oleh pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah sehingga mampu menakluk Konstantinopel dan seterusnya meluaskan kuasa pemerintahan serta menjadi sebuah kerajaan Islam yang terunggul.

Penulis juga akan memilih beberapa kaedah yang digunakan dalam pemerintahan dan pentadbiran kerajaan Uthmaniyyah sehingga mampu menyelesaikan beberapa konflik dalam siri peperangan yang ditempuhi.

1.8.1 Metode Pengumpulan Data Dan Maklumat

Dalam penulisan kertas projek ini, penulis menggunakan kaedah penelitian kepustakaan sebagai sumber utama. Peringkat awal yang digunakan ialah mengumpul bahan-bahan yang telah dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Sumber primer yang digunakan adalah buku-buku ilmiah berbahasa Melayu dan Inggeris. Manakala, sumber sekunder pula didapati daripada disertasi, artikel dan sumber lain seperti internet dan sebagainya.

Kandungan utama bahan-bahan kajian tersebut adalah struktur pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah serta teknik dan strategi ketenteraan termasuk maklumat-maklumat berkaitan dengan karya-karya dan tokoh tokoh utama dalam pentadbiran kerajaan Uthmaniyyah. Selain itu, penulis juga turut meringkaskan tentang sumbangan dan peranan yang yang dimainkan oleh sultan selaku pemerintah kerajaan Uthmaniyyah sehingga mampu menjadi sebuah kerajaan Islam yang unggul pada waktu itu.

1.8.2 Metode Penganalisaan Data

Penulis menjalankan proses analisis data yang dikumpulkan serta membuat perbandingan setiap bahan rujukan tersebut bagi menghasilkan maklumat yang tepat untuk melengkapkan kertas kerja yang mudah difahami dan diteliti.

1.9 Ulasan Kepustakaan

Antara buku-buku yang dijadikan sebagai sumber rujukan diantaranya ialah hasil karya Dr. Ali Muhammad Al-Salaabi, “*Sultan Muhammad Al-Fateh The Conqueror of Constantinople The Fall of the West and the East*” (2009). Buku ini merungkai permulaan kebangkitan Uthmaniyyah dari awal sehingga penaklukan Konstantinopel oleh Sultan Muhammad al-Fatih. Penulis mengambil sebahagian dari hasil tulisan beliau sebagai rujukan, terutamanya dalam bab dua yang berkaitan dengan Sultan Muhammad al-Fatih dan penaklukan Konstantinopel (al-Salaabi, 2009).

Kemudian, karya kedua pula daripada Mesut Uyar dan Edward J. Erickson yang bertajuk “*A Military History of the Ottomans*” (2009). Buku ini sarat dengan maklumat sistem ketenteraan sepanjang berlangsungnya pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah bermula daripada pengasas awal iaitu Osman Ghazi sehingga kerajaan terakhir. Walaubagaimanapun penulis hanya akan menekankan pada bab Era Klasik yang mempunyai sebahagian maklumat sewaktu pemerintahan Sultan Muhammad al-Fatih (Mesut Uyar, Edward J. Erickson 2009: hlm. 31-80).

Seterusnya, penulis mengambil rujukan daripada Ezad Azraai Jamsari, Ammalina Dalillah Mohd Isa dan Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari yang berjudul “Sultan Muhammad al-Fatih: Ottoman’s Great Strategic Planner”(2014). Jurnal ini memuatkan beberapa strategi ketenteraan yang dimainkan oleh Sultan Muhammad al-Fatih termasuk perancangan dari sudut ekonomi dan politik. Jurnal ini juga mengandungi maklumat yang sangat baik dan membantu penulis melengkapkan kertas projek ini bagi memberi kefahaman yang jitu kepada para pembaca (Ezad

Azraai Jamsari, Ammalina Dalillah Mohd Isa & Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari, 2014).

Selain itu, penulis turut mengambil rujukan daripada Mohd Hasrul Shuhari, Mohd Safri Ali, Aman Daima Md. Zain, Mohammed muneer'deen, Siti Aisyah Mohamad Zin dan Omar yang bertajuk “The Ethical Character of Sultan Muhammad Al-Fatih in Leadership” (2019). Jurnal ini membincangkan watak dan etika kepimpinan Sultan Muhammad al-Fateh (Mohd Hasrul Shuhari, Mohd Safri Ali, Aman Daima Md. Zain, Mohammed muneer'deen, Siti Aisyah Mohamad Zin & Omar, 2019).

Akhir sekali, bagi memperinci dan menganalisis teknik peperangan yang digerakkan oleh Sultan Muhammad al-Fateh, penulis telah memilih sebuah artikel hasil nukilan Wan Nurhasniah Wan Husin yang berjudul “*An Analysis On The Sultan Muhammad Al-Fateh’s Military Leadership Based On The Traditional Theory Of Just War*”(2017). Artikel ini membincangkan tentang ciri ciri kepimpinan dan teknik teknik perang dan contoh perang zaman Islam di zaman sebelumnya yang masih digunakan oleh Sultan Muhammad al-Fatih (Wan Nurhasniah Wan Husin, 2017).

1.10 Susunan Bab

Penulis membahagikan kajian kepada empat bab utama iitu:-

Bab pertama: Bab ini ialah bab pendahuluan. Bab ini menyentuh tentang rangka awal penulisan iaitu latar belakang kajian, penyataan masalah kajian, objektif kajian,

persoalan kajian, limitasi kajian, pengertian tajuk, metodologi kajian, metodologi penentuan subjek, ulasan kepustakaan dan susunan bab.

Bab kedua ialah berkenaan tentang latar belakang Sultan Muhammad al-Fatih. Bab ini memperincikan tentang tokoh penting yang telah memimpin ketenteraan Uthmaniyyah sehingga mampu muncul sebagai kerajaan terunggul di dunia dan serta mampu menakluk Konstantinopel iaitu sebuah kuasa terbesar kerajaan Rom. Bab ini memperincikan latar belakang tokoh utama, bagaimana ia mendapat pendidikan dan dibesarkan, bakat kepimpinan serta kekuatan rohani dan jasmani.

Bab ketiga pula ialah tentang strategi ketenteraan yang telah digunakan oleh Sultan Muhammad al-Fatih sebelum, ketika dan selepas perang. Bab ini adalah bab utama yang membincangkan konflik yang tercetus sebelum perang, ketika perang dan sesudah perang berlangsung. Bab ini penting kerana ia menggambarkan bagaimana seorang pemimpin yang bergelar sultan mampu menyelesaikan dan menghadapi setiap kesulitan tanpa putus asa dan sentiasa mencari jalan keluar dalam setiap perkara. Hal ini dapat memberi gambaran jelas kepada pembaca bagaimana watak seorang yang mengetuai negara dan menjaga seluruh hal ehwal rakyat juga mampu memimpin sebuah organisasi ketenteraan dalam negara.

Bab keempat ialah ulasan atau kesimpulan daripada bab-bab yang dibincangkan di atas. Bab ini mengulas dan merumuskan seluruh maklumat yang telah dibincangkan pada bab satu, bab dua dan bab tiga. Ia merumuskan hasil daripada konflik-konflik yang berlaku terutamanya di dalam bab tiga iaitu berkenaan strategi perang. Penulis akan cuba menjelaskan dan merumuskan dengan baik hasil dari maklumat-maklumat daripada bab sebelumnya.

BAB DUA

LATAR BELAKANG SEJARAH DAN BAKAT KEPIMPINAN SULTAN MUHAMMAD AL-FATIH

2.1 Pengenalan

Pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah ditadbir oleh Sultan Muhammad al-Fatih bermula dari Ogos 1444M sehingga September 1446M dan kali kedua bermula Februari 1451M sehingga Mei 1481M. Baginda merupakan seorang daripada sultan kerajaan Uthmaniyyah yang telah mengubah struktur pentadbiran dan politik kerajaan Uthmaniyyah dengan permulaan penaklukan Empayar Byzantine iaitu pembukaan dan penaklukan kota Istanbul pada tahun 1453M. Muhammad al-Fatih “Sang Penakluk” telah menambah baik institusi politik dan sosial Empayar Uthmaniyyah dan membentuk perkembangan politik masa depan (Inalcik,2014).

Kejayaan menakluk Konstantinopel merupakan kejayaan yang dibanggakan kerana ia merupakan kawasan yang strategik dari sudut geografi dan perdagangan iaitu merupakan pertemuan antara Laut Mediterranean dan Laut Hitam dan merupakan kawasan termakmur dan terkaya di Eropah ketika itu. Ia merupakan jalur perdagangan yang masyhur selama berabad-abad. Keunggulan empayar Uthmaniyyah mula berkembang dan diketengahkan melalui kejayaan tenteranya menembusi dan menakluki empayar Rom iaitu Konstantinopel pada tahun 1453 (Runciman, 1965) . Napoleon Bonaparte turut mengeluarkan kenyataan “*jika dunia*

ini sebuah negara; Konstantinopel adalah yang paling layak menjadi ibu negara”
(Syaari, 2013).

Kejatuhan Konstantinopel ke tangan pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah di bawah pimpinan Sultan Muhammad al-Fatih merupakan kejatuhan besar kerajaan Kristian Barat dan bermulanya perkembangan kerajaan Islam Uthmaniyyah. Sultan Muhammad al-Fatih merupakan sultan dan ketua tentera pertama yang berjaya menembusi barisan pertahanan Byzantine dan menakluk Konstantinopel dan hal ini tidak pernah dilakukan oleh sultan dan kerajaan Islam sebelumnya (Ezad, 2014). Pada tahun 1453, Sultan Muhammad al-Fatih melakukan pengepungan Konstantinopel sehingga penaklukan pada 29 Mei 1453 iaitu selama 57 hari (Kocu, 2004).

Penaklukan Istanbul merupakan suatu simbol perkembangan Islam ke serata dunia terutamanya Barat. Sesudah penaklukan ke atas Istanbul Sultan muhammad al-Fatih meneruskan misinya meluaskan empayar penguasaan kerajaan Uthmaniyyah. Setelah sekian lama pemerintahannya berlangsung, pada tahun 1481 sewaktu persiapan kempen penaklukan yang baru beliau mengalami kesakitan dipercayai akibat diracun selama beberapa hari dan meninggal dunia. Kematian beliau merupakan berita gembira di Eropah dan disiarkan di Venice, Itali “*La Grande Aquilla e mortal*” iaitu bermaksud “*Helang Besar sudah mati*” (Freely, 2009).

2.2 Bakat Kepimpinan Sultan Muhammad al-Fatih

2.2.1 Akhlak dan Etika Sultan Muhammad al-Fatih

Di sebalik kejayaan kerajaan Uthmaniyyah dalam penaklukan Konstantinopel mungkin tidak menjadi kenyataan tanpa wujudnya seorang pemimpin yang memainkan peranan. Hasil dari penelitian kajian ini mendapati kejayaan tentera Uthmaniyyah secara langsung telah menonjolkan bakat kepimpinan Sultan Muhammad al-Fatih dalam merancang taktik dan strategi peperangan dan turut serta dalam setiap siri peperangan. Etika dan akhlak adalah merujuk kepada moral individu atau kumpulan dalam pergaulan samaada pekerjaan dan lain lain (Fauzi & Hasrul, 2017). Manakala keruntuhan moral juga boleh meruntuhkan sebuah pentadbiran kerana berlakunya kelemahan dalam pengurusan kepimpinan. Hal ini dapat dilihat melalui beberapa sejarah tamadun yang runtuh akibat kelalaian dalam kepimpinan. Jelas di sini menggambarkan aspek kepimpinan dalam ketenteraan dan pertahanan negara perlu dipelihara kerana keduanya adalah aspek terpenting dalam politik sesebuah negara (Ibrahim, Ermy 2017).

Dalam sejarah Islam telah menunjukkan Sultan Muhammad al -Fatih adalah seorang yang mempunyai nilai akhlak yang tinggi sehingga mampu menakluk Konstantinopel dan wajar dijadikan contoh motivasi kepada generasi seterusnya dalam membentuk keperibadian yang unggul. Watak kepimpinan dan ketaatan baginda menjadikan baginda dihormati dan digeruni oleh lawannya (Amni, 2015).

Sultan Muhammad al-Fatih bukan sekadar mempunyai akhlak yang mulia kepimpinan malah baginda juga turut memelihara hubungan sprititual iaitu dari sudut ketaatan kepada Allah S.W.T. Baginda menjaga hubungan dengan Allah S.W.T dengan memelihara ibadah-ibadah wajib dan sunat seperti tahajjud sebagainya. Hal yang demikian inilah yang telah membentuk keperibadiannya yang unggul. Baginda juga sentiasa memohon doa bersama tenteranya setiap kali menghadapi perang bagi mencapai kegemilangan dalam Islam (al-Salaabi, 2016). Baginda mempunyai budi pekerti yang unggul sebagai seorang pemimpin seperti tegas, berani, bijak, kuat, dan adil tanpa dipengaruhi oleh kekuatan yang dimiliki samaada dari sudut jumlah rakyat dan wilayah taklukannya menggambarkan beliau seorang yang ikhlas dan berilmu (al-Salaabi, 2016).

Sultan Muhammad al-Fatih telah mewujudkan satu motivasi yang luarbiasa dalam kepimpinan dan telah membuka pandangan yang luas dalam kepimpinan. Kepimpinan baginda masih lagi terus menjadi inspirasi kepada setiap organisasi kepimpinan walaupun sejarah itu sudah berlalu hampir 600 tahun yang lalu. Sesudah penaklukan baginda menggunakan gelaran “Khan” daripada tradisi Turki, “Ghazi” pula daripada tradisi Islam dan “Caesar” dari tradisi Byzantine bagi mencapai matlamat politik masa hadapan yang berterusan, maka beliau telah menyatukan keperibadian dari tiga warisan Turki, Islam dan Rom (Inalcik, 2014).

Baginda memberi inspirasi kepada tenteranya untuk mengamalkan sikap berintegrasi dari pelbagai sudut budaya dan persekitaran dalam sebuah organisasi.

Baginda pernah mengungkapkan “*sama ada saya yang akan menakluk Konstantinopel atau ia yang akan menakluk saya*”. Hal ini jelas menujukkan bahawa baginda begitu menekankan kekuatan visi dan matlamat yang panjang dan berterusan. Pepatah ini juga telah memotivasi orang Turki daripada pelbagai sudut sama ada perniagaan atau menjalani kehidupan harian apabila menghadapi halangan (Inal, 2008).

2.2.2 Pembangunan Rohani dan Fizikal Dalam Kepimpinan

Sultan muhammad al-Fatih begitu fokus memainkan peranannya sebagai sultan yang mana beliau begitu menekankan pembangunan rohani dan akhlak dan dapat dibuktikan bahawa rakyat dan tenteranya juga mempunyai akhlak yang baik yang mana ketika pemilihan Imam untuk solat pertama kali di Hagia Sophia beliau menanyakan persoalan solat wajib dan sunat rawatib, dan kesemua mereka melaksanakan solat fardhu dan ada juga tidak meninggalkan solat sunat rawatib (al-Sallabi, 2016). Kekuatan hubungan dengan Allah S.W.T ini secara tidak langsung telah berjaya membangun akhlak dan peribadi termasuk rakyatnya dari sudut rohani. Baginda begitu menitikberatkan aspek kerohanian dalam diri dan pasukan tenteranya dari sudut ketakwaan mereka kepada Allah S.W.T. Baginda kerap memberi nasihat dan membaca hadis-hadis bagi mengekalkan kekuatan rohani tenteranya dan mengingati mereka agar meninggalkan maksiat supaya hubungan jiwa yang suci ini terhubung dengan Allah S.W.T serta mendapat keredhaanNya dan ini memudahkan mereka mencapai apa yang mereka inginkan kerana sesuai dengan kehendakNya. Hal

ini kerana baginda percaya bahawa hanya ketakwaan yang mampu merealisasikan keinginan mereka mencapai kegemilangan Islam (Abdul Rahman, 2013).

Baginda juga menerapkan unsur kasih sayang dan perikemanusiaan dalam peperangan sebagai satu daripada cabang pembangunan rohani. Peperangan bukan hanya kuasa semata-mata. Ini dibuktikan melalui taktik dan strategi peperangan yang digunakan ialah mengambil kira aspek hak kemanusiaan, jaminan serta memelihara alam sekitar (Aziz, 2004), iaitu seperti melarang membunuh wanita, kanak-kanak, ibubapa dan merosakkan harta benda awam (Irwan, 2014). Hal ini secara langsung menyanggah pandangan masyarakat Barat bahawa Islam adalah agama keganasan dan menyokong aktiviti keganasan (Zuhdi, 2015). Penerapan prinsip siddiq (amanah), tabligh (menyampaikan), dan fatanah (bijaksana) ini diamalkan sebagai proses memartabatkan negara dan menghidupkan masyarakat dengan pembawaan Islam sebagai deen (agama) (Syaari, 2013).

Struktur pendidikan sama ada jasmani atau rohani yang yang dibangunkan pada hakikatnya telah bermula lebih awal sewaktu pemerintahan bapa Sultan Muhammad al-Fatih iaitu Sultan Murad. Baginda telah menerapkan pendidikan yang baik buat pewarisnya Sultan muhammad al-Fatih lebih awal. Pasukan tentera juga tidak bermula sewaktu pemerintahan Sultan muhammad al-Fatih tetapi oleh pentadbiran bapanya Sultan Murad. Mereka mendapat pendidikan dan latihan yang sama dan mempraktikkannya semasa perang bagi mempertahankan wilayah Islam (Abdul Rahman, 2013).

Hal ini secara tidak langsung telah melatih pasukan tentera Sultan Muhammad al-Fatih berkembang dalam sistem pendidikan terbaik merangkumi semua aspek kehidupan manusia; Sistem Pendidikan Uthmani (Abdul Rahman, 2013). Sistem pendidikan Uthmani dalam era Turki Uthmaniyyah sudah menjadi medan pendidikan terbaik yang mengajar manusia banyak pembelajaran merangkumi agama, sains, persenjataan, ketenteraan dan pelbagai lagi sudut ilmu. Oleh sebab itu mereka benar benar mempunyai kefahaman yang jitu dari sudut rohani dan jasmani. Baginda dan rakyatnya telah dibentuk oleh sistem pendidikan Turki Uthmani yang merupakan sistem pendidikan terbaik sehingga mereka berjaya menakluk Konstantinopel dan menepati hadis Nabi Muhammad S.A.W yang juga menjadi impian setiap pemimpin Islam yang lain untuk menggapainya (Abdul Rahman, 2013).

BAB TIGA

STRATEGI KETENTERAAN SULTAN MUHAMMAD AL-FATIH

3.1 Pengenalan

Ketenteraan kerajaan Uthmaniyyah terbahagi kepada lima zaman iaitu zaman pengasasan antara 1300M sehingga tahun 1453M iaitu zaman kejatuhan Konstantinopel. Kedua ialah zaman klasik iaitu antara tahun 1451M iaitu tahun Sultan Mehmed II ditabalkan sehingga tahun 1606M, ketiga ialah zaman pembaharuan sekitar tahun 1606M sehingga tahun 1826M, keempat pula ialah zaman pemodenan sekitar tahun 1826M sehingga tahun 1858M dan akhir sekali zaman kejatuhan antara tahun 1861M iaitu tahun pertabalan Sultan Abdul Aziz sehingga tahun 1918M (Mesut Uyar, 2009).

Tentera Klasik Uthmaniyyah merupakan sistem ketenteraan yang dibentuk dan diasaskan oleh Sultan Muhammad al-Fatih dan ia dilaksanakan sewaktu penyusunan semula negara dan sistem ketenteraan. Penyusunan semula dilaksanakan dalam bentuk pembayaran gaji kepada tentera yang berjawatan tetap dan bukannya melalui pembahagian harta rampasan seperti yang yang dilaksanakan sebelumnya. Sistem ketenteraan pada waktu ini melalui fasa kebangkitan Empayar Uthmaniyyah dengan beberapa perluasan wilayah yang besar. Organisasi ketenteraan ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu (Kapu Kulu) dan persisian (Eyalet). Semasa

pemerintahannya yang pertama dan singkat (1444M-1446M), beliau menghadapi tantangan awal daripada beberapa wazir terutamanya Candarli Halil Pasha dan beberapa keluarga bangsawan Turki. Mereka mencuba pelbagai cara untuk menghalang beberapa pembaharuan yang dilaksanakan Sultan Muhammad al-Fatih dan akhirnya mereka menghasut Janissari untuk memberontak (insiden Bucuk Tepe) dan menggulingkannya (Inalcik, 1995).

Baginda mula menyusun rancangan terperinci bagi menangani masalah politik dalaman ini dan pengurusan ketenteraan yang tidak terkawal. Selepas pengembalian semula takhta kekuasaan Uthmaniyyah kepada baginda, Sultan Muhammad al-Fatih mula memecat komander tentera utama iaitu “Aga of Janissari” termasuk Kazanci Dogan dan mengantikan leftenan baru yang dipercayai. Seterusnya baginda mula menguatkuaskan peraturan-peraturan disiplin yang ketat dan hukuman yang berat bagi setiap kesalahan ketenteraan namun baginda juga memastikan kesetiaan mereka dengan menyusun semula organisasi mereka dan mempekenalkan unit pengawal istana, Sekban (unit anjing) ke dalam kor ketenteraan. Sekban menjadi sebahagian daripada kor dalam masa singkat dan pada waktu yang sama masih mengekalkan identiti dan nama mereka yang berasingan (Uzi Baram, Lynda Carroll 2002: 3–13, 20–21) .

Selepas berjaya mengatasi pemberontakan Janissari, baginda mula mengalihkan perhatiannya kepada kor teknikal ketenteraan terutama artileri. Minat baginda terhadap ilmu teknologi ketenteraan memainkan peranan penting dalam

pembentukan semula kor artileri, unit yang telah wujud sebelum itu ialah unit ad hoc timariot dan dikawal oleh struktur organisasi yang sangat longgar. Maka baginda mula memperbaharui dan menukar unit artileri itu ke dalam unit ketenteraan dengan gaji tetap dan membolehkan mereka dikerah ke tempat yang jauh (Gabor Agoston 2005: 20).

Serangan terakhir bermula pada waktu subuh 29 Mei 1453 M, serangan mula dilancarkan. Pada awalnya tentera Uthmaniyyah gagal untuk melepas rantai besi di Tanjung Emas, tetapi akhirnya tentera Uthmaniyyah berjaya menembusi kota Konstantinopel melalui Pintu Edirne dan mereka mula mengibarkan bendera Daulah Uthmaniyyah di puncak kota Edirne. Bagi melepas kawasan Tanjung Emas tersebut, pihak tentera Uthmaniyyah telah menolak kira-kira 70 buah kapal melalui jalan darat iaitu sejauh 3 batu di sebelah belakang kota Galata. Akhirnya Konstantinopel berjaya ditawan oleh tentera Islam. Sultan Muhammad al-Fatih menawan Aya Sofia dan menuarkannya dari gereja kepada masjid. Setelah itu, bandar konstantinopel ini ditukar kepada Istanbul (dalam bahasa Turki Istambol) yang pada asalnya Islambol yang bermaksud bandar Islam. (al-Salaabi, 2009: 141).

3.2 Strategi Ketenteraan

Sultan Muhammad al-Fatih telah merancang beberapa strategi bagi mencapai hasrat menakluk pengaruh besar dunia iaitu Konstantinopel dari kekuasaan Byzantine seterusnya meluaskan pengaruh empayar kerajaan Uthmaniyyah ke segenap wilayah. Sejarah telah membuktikan keperkasaan dan keutuhan kubu Kota Konstantinopel

yang dibina oleh Maharaja Rom atau dikenali sebagai ‘Maharaja Konstantine’ yang telah bermula seawal 330M. Ia merupakan pusat Empayar Byzantine Rom Timur yang telah mempuntai benteng yang kukuh selama hampir 1000 tahun (Odahl, 2004).

Kedudukannya yang berada di antara tiga laut utama, iaitu Selat Bosphorus, Laut Marmara dan “Golden Horn” yang dikelilingi rantai besar bagi menghalang kemasukan kapal kapal dari luar. Benteng-benteng yang mengelilingi Konstantinopel juga menjadi asbab keutuhan kota ini dari sebarang ancaman. Telah banyak serangan dibuat bagi menakluk Konstantinopel malahan gagal. Sejarah juga telah mencatatkan iaitu hampir 47 kali Kota Konstantinopel telah diserang oleh empayar lain dan 11 kali oleh kerajaan Uthmaniyyah dan akhirnya ia ditawan oleh Sultan Muhammad al-Fatih (Pears, 1886).

Beberapa strategi telah dibentuk bagi mencapai hasrat penaklukan Konstantinopel seperti berikut:

3.2.1 Mengukuhkan Angkatan Laut Dan Darat

Baginda sultan telah merancang beberapa strategi dan yang pertama ialah mengukuhkan institusi ketenteraan di darat dan laut. Setelah mengambil kira pengalaman sebanyak empat kali kegagalan pengepungan yang dilakukan pemerintahan Uthmaniyyah sebelumnya dan banyak halangan yang harus ditempuhi, maka baginda mula memberi perhatian khusus untuk mengamankan bahagian

sempadan dan mewujudkan penguasaan yang tentera laut di bahagian laut. Diplomasi ini adalah berdasarkan mengambil kira keamanan dan konsesi untuk mencapai tahap keselamatan yang diingini terutamanya berdekatan Balkan. Muhammad al-Fatih dengan mudah berjaya menenangkannya misinya dari gangguan negara berdekatan terutamanya Anatolia yang ketika itu berada di bawah penguasaan Karamanid dan Morea yang juga dibawah penguasaan Byzantine iaitu melalui kemasukan tentera yang dilakukan dengan singkat (Runciman, 1965).

Beliau telah menyediakan jumlah kapal yang banyak kepada angkatan laut. Kapal perang dan beberapa kapal lain disediakan. Tentera armada laut dilengkapi dengan 140 buah kapal perang moden dan 320 buah perahu. Kesemua ini sebagai persiapan mengepung secara berkesan Konstantinopel dari segenap arah, memenatkan musuh dan melumpuhkan senjata mereka melalui serangan bertali arus ke atas tembok tanpa henti. (Erdy Nasrul, 2020). Di samping itu beliau juga mula meningkatkan jumlah tentera yang begitu ramai iaitu seramai 250 ribu orang dan memberi ucapan inspirasi tentang jihad, kemenangan atau mati syahid serta mengingatkan mereka tentang pengorbanan dan keikhlasan dalam perjuangan dengan membaca ayat al-Quran dan hadis tentang pembebasan Konstantinopel disertai laungan *Takbir*, *Tahlil* dan *Dua* oleh ketua pasukan dan tentera (al-Salaabi, 2009: 123-124)).

Jumlah tentera yang begitu besar itu bagi memenuhi serangan yang maksimum kepada Byzantine. Beliau tidak mengenepikan tentera malah sentiasa

meniupkan semangat yang tinggi kepada tentera. Beliau mementingkan soal pembangunan rohani kepada tentera bagi memastikan mereka mempunyai kekuatan dalaman yang kental. Terdapat beberapa ulama yang terlibat dalam ketenteraan turut serta sebagai tentera dan juga sebagai pendakwah yang membantu membangkitkan semangat tentera sebelum terlibat dalam perperangan (al-Salaabi, 2009: 124)).

Baginda juga menggunakan teknik pengepungan tentera mengelilingi 3 tempat utama iaitu sekitar Laut Marmara, Golden Horn dan Selat Bosphorus. Manakala tentera-tentera ini juga disediakan tentera tambahan di belakang tentera utama bagi memastikan mereka selamat jika berlaku sebarang perkara kepada mereka dan meletakkan meriam di hadapan tembok Topkapi. Baginda mengarahkan supaya kapal-kapal Uthmaniyyah ditempatkan di seluruh perairan berhampiran tetapi mereka tidak dapat melepassi “Golden Horn” kerana rantai besar yang dipasang walaupun mereka sudah menguasai Laut Marmara (al-Salaabi, 2009: 124).

Sultan Muhammad al-Fatih membuat rancangan terperinci untuk masuk ke kota Konstantinopel iaitu dengan mengumpulkan lebih banyak maklumat tentang keadaan sekitar bandar serta baginda menyediakan peta yang diperlukan untuk melakukan pengepungan terhadap kota Konstantinopel. Baginda juga telah masuk meninjau seluruh kawasan sekitar bandar untuk melihat benteng pertahanan dan keadaan sekitar (al-Salaabi, 2009: 123).

Beliau juga membahagikan sebilangan tentera untuk meyertai bahagian risikan. Bahagian risikan ini bertindak menyelusup masuk dan mengambil sebarang maklumat untuk disampaikan kepada bahagian ketenteraan bagi membuat serangan. Maklumat ini juga membantu mereka mengetahui keadaan musuh. Taktik pengepungan tentera ini sangat membantu mereka malah ia menyebabkan pasukan Byzantine terpaksa bertahan di sekitar kota tanpa boleh bergerak keluar. Meriam Uthmaniyyah mula memainkan peranan melepaskan peluru bertalu talu dari kedudukan yang berbeza. Tembakan meriam yang bertali arus ini telah menimbulkan ketakutan penduduk Byzantine (al-Salaabi, 2009: 125).

3.2.2 Membuat Perjanjian Dengan Negara Eropah Dan Membina Jalan Perhubungan

Baginda sultan telah memeterai beberapa perjanjian dengan negara Eropah supaya misi penaklukan baginda tidak ada sebarang campur tangan oleh pihak Eropah. Sebagai seorang Khalifah Uthmaniyyah ke-8, baginda begitu menekankan dasar diplomatik dan persahabatan dengan negara-negara lain. Sultan Muhammad al-Fatih mengambil pendekatan strategi damai dengan negara-negara tertentu dengan ini secara tidak langsung telah menyebabkan negara berkenaan mengambil dasar tidak bersekutu iaitu tidak mengambil bahagian dalam sebarang perang yang melibatkan kerajaan Uthmaniyyah. Sebagai contoh dalam misi penaklukan Konstantinopel, pemimpin Bulgaria, Serbia dan Hungary mengambil dasar berkecuali, walaupun majoriti rakyatnya beragama Kristian sebelum perang berlaku (Kinross, 1977).

Hal ini dilaksanakan untuk mengecilkan jumlah pasukan Byzantine apabila mereka diserang nanti dan bagi memastikan serangan dapat ditumpukan kepada satu

musuh sahaja. Di samping itu juga, baginda juga telah memeterai satu lagi perjanjian damai ketika dalam perjalannya untuk mengambil alih wilayah Trebizondon iaitu dengan pemerintah wilayah Akkonyulu, Uzul Hasan dan diwakili oleh ibunya, Sara Hatun. Dalam perjanjian ini mereka bersetuju untuk melakukan genjatan senjata dengan Uthmaniyyah dan tidak mencampuri sebarang urusan perang kerajaan Uthmaniyyah dengan mana-man negara lain (Babinger, F., 1978). Corak strategi yang digunakan oleh Sultan Muhammad al-Fatih adalah kategori “grand strategy”. Menurut Dolman, “grand strategy” ialah “*suatu proses yang mengambil kira semua kaedah yang boleh dipertimbangkan bagi mencapai pengaruh politik yang berterusan*” (Dolman, 2005).

Baginda juga telah membina laluan melalui Edirne dihubungkan dengan Konstantinopel. Hal ini bagi memudahkan proses pemindahan senjata-senjata serta meriam-meriam bagi memastikan semua kelengkapan berada dalam keadaan sedia untuk digunakan ketika perang. Perjalanan membawa semua senjata ini mengambil masa dua bulan. Keperluan senjata ini dibawa oleh sebahagian daripada tentera, dengan penuh kawalan sehingga ke datangan Sultan Muhammad al-Fatih di pinggir kota Konstantinopel pada Khamis (26, Rabi' al-Awal 875 H/ 6 April, 1453 M.) (al-Salaabi, 2009: 123).

3.2.3 Membina Kubu Dan Penempatan Meriam Berhampiran Kota Konstantinopel

Sebagai langkah persediaan sebelum menghadapi perang, Sultan Muhammad al-Fatih mengarahkan pelaksanaan pembinaan kubu-kubu yang berhampiran dengan

Konstantinopel bagi menempatkan tentera sekaligus berfungsi sebagai tapak logistik untuk bekalan perang. Baginda mengambil inisiatif dengan membina satu lagi tembok di selat Bosphorus dengan nama “Rumeli Hisarri” iaitu di sebelah Eropah kerana di bahagian Asia telah wujud tembok yang dibangunkan oleh Sultan Beyazid. Pembinaan Kota Rumeli Hisarri telah di laksanakan di tebing sebelah Eropah, lebih kurang 8 km dari Kota Konstantinopel. Ia dibina bertentangan dengan Kota Anadolu Hisari di tebing sebelah Asia yang telah dibina oleh Sultan Beyazid yang terdahulu. Keadaan kedua dua tempat ini yang lengkap dengan benteng maka ianya sangat membantu tentera Uthmaniyyah bagi mengawal kemasukan kapal kapal. Kedua dua tembok ini dilengkapi senjata meriam. Manakala kubu barisan hadapan pula ialah kubu “Kale Sultanieh” dan kubu “Kilitbahir” serta keduanya dibina di pintu masuk perairan Dardanel iaitu diantara Laut Aegean dan Marmara. Kubu “Rumeli Hissari” dibina sebagai persediaan penaklukan Konstantinopel manakala kubu “Kale Sultanieh” dan “Kilitbahir” pula berfungsi sebagai penghalang kepada serangan tentera salib dan perang Venice (1463) (Babinger, F., 1978).

Sewaktu permulaan perancangan pembinaan tembok “Rumeli Hissari”, Maharaja Byzantine cuba menghalang pembinaan tembok dan cuba membuat sultan berubah fikiran dengan menghantar wang dan hadiah berbeza tetapi baginda tetap berkeras untuk membinanya bagi kepentingan ketenteraan. Ia dibina dengan ketinggian 83 Meter serta berhadapan dengan kubu-kubu lain dengan beza jarak 660 Meter antara satu sama lain. Baginda melarang kemasukan sebarang kapal ke Konstantinopel dari kawasan di sebelah timur, seperti Kerajaan Trabson dan wilayah lain yang berpotensi memberi sokongan kepada Konstantinopel (al-Salaabi, 2009).

Strategi pertahanan dengan pembinaan “Rumeli Hissari” oleh Sultan Muhammad al-Fatih ialah satu bayangan bahawa perang telah diisytiharkan terhadap Empayar Byzantine (Mahayuddin, 1993). Kubu Rumeli Hissari mula dibina pada tahun 1452 dan bertujuan mengawal serta menyekat laluan sebarang kapal-kapal Eropah yang memberi sokongan kepada pihak Byzantine, setiap kapal yang melintasi akan diserang oleh armada Uthmaniyyah dan diarahkan pihak navigasi untuk berlabuh sekitar Rumeli Hisarri dan akhirnya akan ditenggelamkan (Ozguven, 2014: 737-749).

Pengepungan Konstantinopel berlaku pada tahun 1453M, ketika itu ketenteraan Uthmaniyyah memiliki meriam yang cukup besar bagi menghancurkan tembok Konstantinopel ketika itu. Meriam besar atau dikenali sebagai Meriam Sahi yang digunakan oleh Sultan Muhammad al-Fatih dan tenteranya untuk meruntuhkan Kota Konstantinopel merupakan meriam hasil rekaannya sendiri. Meriam Sahi menggunakan sistem pengiraan balistik dan reka bentuk yang sesuai untuk melancarkan peluru yang besar, laju dan memiliki impak yang padu kepada sasaran. Hal ini dilakukan olehnya bersama bantuan beberapa pakar-pakar meriam Uthmaniyyah bagi menghasilkan meriam seperti yang mereka inginkan. Di antara mereka yang terlibat di dalam penghasilan meriam ialah Saruca dan Muslihuddin. Merekalah yang membentuk acuan tembaga dan mereka bentuk meriam berdasarkan permintaan Sultan Muhammad al-Fatih Baginda juga membina satu meriam besar dengan bantuan seorang jurutera Hungary yang bernama Urban. Sultan Muhammad al-Fatih telah membebaskan Urban dari cengkaman pihak Byzantine dan memberi peluang kepadanya untuk berkongsi pengetahuan terutama dalam proses membuat

meriam. Bagi memperbaharui unit artileri ketenteraan dia menggunakan penggunaan meriam Eropah yang direkabentuk oleh Urban dan merupakan juruteknik yang berasal dari Hungary (atau Transylvania) (al-Salaabi, 2009: 120-121).

Beliau juga mengerahkan juruteknik dan pakar tempatan bagi sama-sama membantu menjayakan misi ini dengan pemantauan baginda sendiri. Baginda menyambut Urban dengan baik serta menyediakan keperluan kewangan dan tenaga kerja untuk mencapai projeknya. Urban mampu menghasilkan beberapa meriam besar, disertai dengan meriam sultan yang terkenal dengan berat hampir seratus tan dan memerlukan seratus ekor lembu jantan yang kuat untuk menggerakkannya (al-Salaabi, 2009: 120-121).

Kota Konstantinopel dikelilingi meriam yang ditempatkan di setiap tembok. Baginda telah menempatkan meriam yang paling besar yang dihadapkan di bahagian pintu masuk Topkapi. Meriam meriam ini memainkan peranan penting bagi meruntuhkan benteng pihak Byzantine. Sekurang-kurangnya empat buah meriam gergasi (melebihi 40 cm diameter) dan 74 meriam sederhana telah dihasilkan dan disusun menjadi 14 kepungan (Rahmi Egemen, 1979: 97). Kesan besar kejutan melalui tembakan Meriam Sahi dapat didengari dengan kadar jarak hampir 25 KM melalui tembakan projektil batu yang mencecah berat 500KG dan juga telah memecahkan tembok pertahanan Rom serta melunturkan semangat tentera lawan (Celebi, 1971). Baginda Sultan Muhammad al-Fatih membuat pemeriksaan rapi dalam hal persenjataan Meriam Sahi bermula dari proses pembuatan di kilang

sehinggalah berkaitan hal ehwal pengiraan kadar balistik, mengikut kedudukan topografi serta semua hal-hal pentadbiran yang terkait dengannya (Ozguven, 2014).

Konstantinopel dikepung dan mula diserang pada hari Rabu 19 April 1453M bersamaan 12 Rabiul Akhir 857H bersama angkatan tenteranya yang menjangkau seramai 250 000 orang. Konstantinopel dihujani peluru daripada meriam besar selama 48 hari dan keadaan ini hanya merosakkan sebahagian sahaja dinding luar kota Konstantinopel. Sewaktu peperangan sedang berlangsung Sultan Muhammad al-Fatih telah mewujudkan idea bagi menawan tembok dengan menggunakan kubu bergerak dari kayu yang lengkap dengan persenjataan dan meriam kecil, peralatan ini diletakkan di antara kereta tunggangan (carts) yang dinamakan tabor (Mesut Uyar, 2009).

3.2.4 Perubahan Strategi Ketika Perang

Keadaan perang menjadi genting kerana Kerajaan Genoa di bawah pimpinan Lucas Giustiniani (Justinian), telah menyalurkan bantuan bala tentera kepada pihak Byzantine dengan kelengkapan empat kapal perang berserta 700 orang tentera sukarela dari negara-negara Eropah. Hal ini telah memberi semangat baru kepada tentera Byzantine. Mereka membaiki kembali kerosakan tembok dan membina dinding baru yang mampu menangkis tembakan meriam yang perlahan dan ia tidak merosakkan tembok (Riggs, 1970: 39-40, 48).

Baginda telah menukarkan strategi baru stelah hampir dua hari petempuran di “Golden Horn” iaitu memecat panglima perang kerana gagal menghalang kapal kapal Eropah yang cuba masuk. Sebelum itu baginda telah memberi kata putus kepada panglima perang iaitu menyatakan “*kamu harus menawan kapal -kapal itu atau menenggelamkannya, jika gagal jangan kembali kepadaku hidup-hidup*”. Walaubagaimanapun, panglima baginda iaitu Balata Oghli gagal menghalang kapal kapal Eropah yang cuba masuk memberi bantuan kepada Byzantine. Baginda memecatnya dan menuduhnya pengecut. Balata Oghli kecewa dan menyatakan dengan berkata “*saya menghadapi kematian dengan hati yang teguh tetapi saya dituduh tidak sedemikian, secdangkan saya dan para tentera saya telah berjuang habis-habisan*” dan mengangkat serban kepalanya serta menunjukkan kepada sultan akan matanya yang telah cedera parah. Baginda kemudian yakin akan keikhlasan komandernya dan melantik komander baru iaitu Hamza Pasha (al-Salaabi, 2009: 127). Kegagalan armada laut telah memberi kesan terhadsap pemikiran beberapa penasihat sultan yang diketuai oleh Menteri “Khalil Pasha” dan beliau cuba memujuk Sultan Muhammad al-Fatih supaya menghentikan misi menawan Konstantinopel. Baginda tetap dengan pendiriannya untuk meneruskan misi penaklukan Konstantinopel. Pada baginda cara terbaik menawan Konstantinopel ialah melepasi “Golden Horn” (al-Salaabi, 2009: 128).

3.2.5 Mengelirukan Musuh Dengan Memindahkan Kapal Melalui Jalan Darat

Akhirnya, Sultan Muhammad al-Fatih mendapat idea yang difikirkannya satu-satunya cara untuk melalui halangan rantai di ‘Golden Horn’. Ideanya menyerupai apa yang dilakukan oleh Putera Kiev, yang menyerang Byzantine pada abad ke-10.

Putera Kiev menarik balik kapal mereka keluar dari selat Bosphorus, mengelilingi Galata, dan melancarkannya semula serangan di Tanduk Emas. Sultan Muhammad al-Fatih membuat perancangan dari sudut geografi. Baginda tidak mengambil risiko sebagaimana yang telah dibuat Putera Kiev. Baginda melakar strategi pada peta dengan berhati-hati. Baginda mengambil masa beberapa hari untuk menyiapkan rancangannya dan ada pendapat mengatakan beliau menghabiskan masa sepanjang malam untuk menganalisis taktik perangnya untuk mengesan sebarang kelemahan, kesilapan dan kelemahan lalu membaikinya dan membuat keputusan berdasarkan kaedah kaedah yang sesuai bagi memindahkan kapal kapal. Muhammad al-Fatih mengambil langkah yang bijak dan berani pada zaman itu iaitu dengan memindahkan kapal-kapal melintasi bukit-bukit di sekitar Golden Horn. (Mesut Uyar, 2009: 35).

Strategi seterusnya ialah Sultan Muhammad al-Fatih telah mengarahkan tenteranya dengan cara memindahkan kapal-kapal perang dari penempatan kapal iaitu di Basiktas menuju ke “golden Horn”. Proses pemindahan kapal ini dilakukan dalam tempoh satu malam dengan menolak kapal itu sejauh 3 batu dan ianya begitu sukar kerana kawasan yang dituju itu berbukit. Baginda menitahkan agar tanah yang hendak dilalui itu diratakan supaya memudahkan proses menolak kapal. Setelah tanah diratakan kemudian mereka menebang pokok pokok kayu untuk dijadikan roda sewaktu proses perpindahan kapal. Kayu kayu ini dilumuri dengan minyak dan lemak. Lumuran minyak dan lemak itu menjadikan kayu itu licin dan mudah ditolak (Mesut, 2009). Seorang ahli sejarah Byzantine mengungkapkan kekagumannya terhadap peristiwa berkenaan dengan berkata “*Kami tidak pernah melihat atau mendengar kejadian luarbiasa ini, Muhammad al-Fatih mengubah bumi menjadi*

laut dan melayarkan kapal di puncak gunung dan bukannya di lautan, baginda telah mengatasi “Alexander the Great” dalam hal ini” (al-Salaabi, Yelmaz 2009: 129, 135).

Proses pemindahan kapal ini berlangsung dalam satu malam iaitu 70 buah kapal berjaya dilabuhkan di “Golden Horn”. Keadaan ini benar benar telah mengejutkan pasukan Rom setelah mendapat khabar bahawa kapal kapal Uthmaniyyah sudah berada di ‘Golden Horn’. Pengepungan tentera Uthmaniyyah sekeliling kota Byzantine juga telah memberi tekanan kepada mereka. Serangan peluru peluru meriam yang bertempat di atas gunung telah menghancurkan kapal-kapal Byzantine. Hal ini telah mengelirukan mereka, kehadiran kapal kapal Uthmaniyyah di “Golden Horn” telah melemahkan semangat tentera Byzantine. Keadaan penduduk Kristian di sekitar “Golden Horn” mula cemas apabila meriam besar yang direka khas daripada idea Sultan Muhammad al-Fatih mula membedil armada laut Byzantine dan telah berjaya menenggelamkan sebahagian daripadanya (Muhtar, Riggs 1970: 243–260, 51–52, 55–57).

3.2.6 Penggalian Terowong Dan Melancarkan Serangan

Dengan melihat kesilapan Sultan dan pemimpin Islam yang lain dalam menggulingkan pemerintahan Byzantine di Konstantinopel, baginda merangka strategi baru yang tidak pernah dilakukan oleh pemimpin terdahulu. Iaitu menyerang kota dari dua penjuru, darat dan laut. Sultan Muhammad al-Fatih memahami bahawa majoriti pemimpin menggunakan taktik darat untuk mencuba dan menawan bandar Konstantinopel. Ini telah menemui kegagalan kerana Byzantine tidak terjejas melalui

jalan darat, memandangkan mereka menggunakan laut untuk laluan perdagangan dan bekalan perang. Oleh itu, untuk mengatasi isu ini, Sultan Muhammad al-Fatih meletakkan tentera pejalan kaki dan tentera berkudanya di darat manakala tentera lautnya ditempatkan di tepi laut untuk menghalang kapal-kapal yang membawa bantuan dan bekalan perang dari negara Kristian yang lain. Sultan Muhammad al-Fateh telah melatih tenteranya bukan hanya tentera berkuda tetapi dilengkapi tentera pemanah, dan pengebom. Rekod sejarah menunjukkan bahawa tentera Muhammad al-Fatih adalah yang terbaik pada zaman itu (Agoston, 2011).

Akhir sekali, Sultan Muhammad al-Fatih memastikan strateginya benar benar mantap sebelum melakukan serangan dan mereka telah berjaya dengan menempuh laluan yang panjang dan sukar ke Konstantinopel. Ini membingungkan pemerintah Byzantine kerana tidak jelas sama ada Uthmaniyyah sedang menuju ke arah mereka atau sebaliknya. Kehadiran tentera Uthmaniyyah yang berada di depan pintu kota, menyebabkan mereka tidak bersedia. Strategi yang sama dilakukan oleh Sultan Muhammad al-Fatih ketika menawan Trebizon, baginda menempuh laluan ke Erzurum seolah-olah baginda dan tentera menuju ke wilayah milik Uzul Hasan dan bukan untuk menyerang Trebizon. Bagaimanapun sesudah memeterai perjanjian dengan Wilayah Akkonyulu, baginda terus menuju Trebizon. (Ezad Azraai Jamsari, 2014: 2161)

Tentera Byzantine dalam keadaan gundah kerana mereka tidak dapat meneka perancangan baginda seterusnya. Seterusnya Baginda mengejutkan pihak Byzantine

dengan membina benteng dari kayu dengan skala ukuran yang besar dan tinggi melepas kota Konstantinopel. Ia dihasilkan tiga tingkat dengan ketinggian melebihi tembok-tembok Konstantinopel serta dilengkapi perisai khas kalis api (al-Salaabi, 2009: 132).

Benteng kayu yang dilapisi dengan perisai perisai khas itu dihasilkan dengan menggunakan kulit yang dibasahkan bagi menghalang api. Benteng-benteng kayu ini diisi sejumlah tentera mengikut tingkatan. Pemanah-pemanah diletakkan pada posisi atas ketika menyerang Rom melalui panahan. Sebahagian tentera Turki berjaya memanjat tembok-tembok kota dan melakukan serangan dengan menyelusup masuk ke kota. Manakala benteng kayu itu telah dibakar oleh pihak tentera Byzantine sehingga jatuh ke atas Menara Byzantine dan menyebabkan sebahagian tentera Islam terbunuh (al-Salaabi 2009: 132). Bagaimanapun baginda tidak berputus asa dan menyatakan “*esok, kami akan membina empat yang lain*”. Meriam Uthmaniyyah pula tidak berhenti dari menyerang. Pengepungan dilakukan berterusan dengan cara membuat tiang bergerak diteruskan sehingga tentera-tentera Byzantine benar-benar keletihan (al-Salaabi, 2009: 132).

Baginda memutuskan untuk memasuki kota itu secara aman tanpa pertumpahan darah. Baginda telah mengirim surat kepada Raja Byzantine agar menyerahkan Kota Konstantinopel tanpa perlu berperang lagi dengan pelbagai jaminan keamanan dan keselamatan kepada Raja Byzantine dan keluarganya. Baginda juga memberi jaminan kepada seluruh penduduk bahawa mereka dialung-alukan untuk kekal tinggal di situ dalam keadaan selamat. Maharaja Byzantine

memanggil semua penasihatnya dan memohon cadangan. Sebahagian mereka bersetuju dan sebahagian lagi menentang. Maharaja Byzantine memilih untuk terus berjuang menentang Uthmaniyyah (al-Salaabi, 2009:134). Oleh sebab itu, Sultan Muhammad al-Fatih menggiatkan lagi serangan menggunakan meriam besar sehingga meriam itu terlalu panas dan meletup serta mengakibatkan kematian beberapa tentera Uthmaniyyah termasuk Urban, jurutera Hungary (al-Salaabi, 2009: 134). Baginda mengambil langkah menyejukkan meriam dengan menggunakan minyak zaitun dan ianya berkesan.

Akhirnya selepas pengepungan selama 53 hari, pada 29 Mei 1453, serangan giat dilakukan bermula waktu subuh dengan laungan “takbir” sehingga pihak gereja Byzantine mula membunyikan loceng gereja mereka (al-Salaabi, 2009:138). Pertahanan Byzantine mengalami kejutan dan keletihan kerana pihak Uthmaniyyah meneruskan serangan daripada kumpulan briged yang berbeza kerana mereka menjangkakan adanya waktu rehat, namun serangan tetap berterusan sehingga mereka keletihan (al-Salaabi, 2009: 138). Panglima perang Genoa, Justinian, mengalami cedra parah dan terpaksa berundur dari medan perang dan ini telah memberi kesan negatif kepada seluruh pertahanan Byzantine sehingga Maharaja Byzantine terpaksa menggantikan tempat Justinian yang telah melarikan diri menaiki kapal ke laut (al-Salaabi, 2009, 139). Tentera Uthmaniyyah terus menyerang sehingga mereka berjaya menyerbu Kota Konstantinopel dan menawan beberapa menara di sekitar kota. Tentera Uthmaniyyah mula mengibarkan bendera Uthmaniyyah di menara menandakan kemenangan berada di pihak mereka sehingga Maharaja Byzantine menanggalkan jubahnya agar tidak dikenali serta berperang

sehingga beliau juga akhirnya terkorban (al-Salaabi, 2009, 139). Setelah berita kematian Maharaja Byzantine itu tersebar, tentera akhirnya menghancurkan seluruh kekuatan Byzantine dan Sultan Muhammad al-Fatih akhirnya berjaya menakluk Konstantinopel (al-Salaabi, 2009: 140) dan selepas penaklukan itu, baginda melindungi kedua-dua golongan Yahudi dan Kristian dan menghormati hak mereka sebagai warga Konstantinopel. Dengan menakluki kota besar ini, Sultan telah menubuhkan sempadan baru untuk penyebaran Islam di barat yang memberi kesan yang berkekalan kepada dunia sehingga hari ini.

3.2.7 Sikap Dan Layanan Baik Uthmaniyyah Kepada Seluruh Penduduk Kristian Dan Yahudi

Konstantinopel telah jatuh ditimpa kekalahan, seluruh penduduk Konstantinopel berpusu-pusu ke Hagia Sophia, dan Sultan Muhammad al-Fatih memberi perlindungan kepada semua penduduk, sesiapa sahaja, sama ada Muslim, Yahudi, atau Kristian. Hagia Sophia akhirnya diubah menjadi masjid dan gereja-gereja lain dikekalkan sebagai pusat ibadat Kristian. Baginda menenangkan mereka dan menjamin keselamatan mereka. Baginda memerintahkan proses penukaran kepada masjid dilakukan segera bagi upacara khutbah pertama pada hari jumaat (al-Salaabi, 2009: 141).

Sultan Muhammad al-Fatih memberi kebebasan kepada orang Kristian untuk mengamalkan upacara keagamaan mereka, memilih pemimpin mereka dan hal ehwal sivil mereka. Baginda juga memberikan hak yang sama kepada pemimpin gereja di

wilayah lain, dan hanya mengenakan mereka bayaran jizyah (wang pajak orang bukan Islam di bawah pemerintahan Islam) (al-Salaabi, 2009:141). Melihat kepada sebahagian orang Yunani dan Genoa yang mahu melarikan diri dari Istanbul, baginda memberi kembali rumah-rumah mereka dan memberi jaminan keselamatan mereka. Baginda berpendapat bahawa orang Islam, Kristian dan Yahudi perlu terus menetap di Istanbul (inalcik, 2008).

Sikap toleransi diamalkan, sesiapa sahaja boleh tinggal dan mencari rezeki di bandar. Sultan kemudian membina semula kota, membina sekolah terutama sekolah untuk kepentingan pentadbiran bandar secara percuma, sesiapa sahaja boleh belajar, tidak ada sikap perbezaan agama, membina pasar, membina perumahan, malah rumah percuma kepada pendatang yang sanggup tinggal dan mencari rezeki di runtuhan kota Byzantine. Sistem pemerintahan tradisi Uthmaniyyah sebelum itu mengagihkan geran tanah kepada tentera, Sultan Muhammad al-Fatih menghapuskan sistem feudal (warisan tanah) bagi menghalang golongan bangsawan dan golongan tertentu menguasainya, sebaliknya baginda mengagihkan tanah secara adil kerana ia milik negara dan memelihara hak petani dari dieksploitasi (Nurullah Genc, N. Oyku Iyigun, Murat Yalcintas, 2015: 25-29).

Baginda memulakan sistem wakaf dan badan amal sehingga banyak hospital, universiti, tali air, masjid dan pasar dibina oleh badan amal (Inalcik, 1967). Baginda menunjukkan contoh teladan yang baik dan bertoleransi terhadap agama lain terutama pengikut Kristian Konstantinopel kerana baginda meneladani ajaran nabi Muhammad S.A.W dan bersikap adil walaupun terhadap musuh (al-Salaabi,

2009:143). Akhirnya, bandar Konstantinopel telah berubah dari nama asal Konstantinopel kepada Istanbul (Islambol) yang bermaksud Kota Islam.

BAB EMPAT

RUMUSAN DAN HASIL DAPATAN KAJIAN

4.1 Rumusan

Hasil dari dapatan kajian ini dapatlah dibuat penilaian bahawa Sultan muhammad al-Fatih merupakan seorang sultan yang telah banyak membawa perubahan dalam pelbagai aspek kepimpinan samaada politik, ketenteraan, ekonomi dan sekaligus membentuk satu kerajaan yang membawa banyak perubahan kepada rakyat khasnya dan wajar dijadikan contoh bagi setiap organisasi kepimpinan. Gaya kepimpinan yang dipersembahkan Sultan Muhammad al-Fatih memberi motivasi dan inspirasi kepada seluruh organisasi atau negara. Walaupun, sudah hampir 600 tahun sejarah ini berlalu, namun tauladan kepimpinan yang dipersembahkan masih tetap memberi inspirasi kepada seluruh dunia Islam.

Baginda menunjukkan kemampuan beliau mengubah strategi mengikut keadaan dan situasi yang dihadapi oleh tentera Uthmaniyyah samaada sebelum perang, ketika perang dan selepas perang. Berdasarkan hal demikian, dapatlah dilihat bahawa pengaruh emosi tidak boleh dicampur aduk dalam institusi atau organisasi, apalagi ia melibatkan negara dan nasib rakyat. Jika dilihat contoh bagaimana menteri Halil Pasha menggunakan emosi dalam menentukan keputusan dalam peperangan yang getir manakala sultan tidak mengikut keputusan berundur yang

dimahukan oleh Halil Pasha sebaliknya menggunakan akal rasional iaitu meneruskan perperangan. Berdasarkan pemikiran yang rasional, fikiran yang tenang memainkan peranan yang penting untuk mengelakkan berlakunya keputusan yang salah.

Ketika perang berlaku Sultan Muhammad al-Fatih bijak menentukan keputusannya, walaupun perancangan awal adalah berbeza. Sebagai contoh pengukuhan serangan armada laut di bahagian Golden Horn (Tanduk Emas) tidak membawa hasil setelah mencuba namun Sultan Muhammad al-Fatih mengubah fikiran dan strategi dan mengambil peluang menggunakan strategi yang mengelirukan tentera Byzantine iaitu menolak kapal sehingga ke benteng Konstantinopel. Hal ini menggambarkan kepimpinan Sultan Muhammad al-Fatih yang menggunakan akal rasional dalam membuat keputusan dan mencontohi kepimpinan Rasulullah S.A.W iaitu mengambil kira keadaan, bukan perasaan dan hawa nafsu.

Walaubagaimanapun, kajian lanjut perlu diteruskan bagi menganalisis secara lebih terperinci tentang bagaimana atau apakah faktor-faktor yang mendorong kemenangan dan kesilapan-kesilapan bagi menganalisis strategi perang supaya dapat diperbaiki dan memberi manfaat terhadap institusi ketenteraan Islam terutamanya.

4.2 Cadangan

Berdasarkan dapatan kajian yang didapati dari hasil kajian, penulis mencadangkan supaya beberapa kajian lanjut dapat diteruskan pada masa akan datang. Harapan penulis agar tampil beberapa pengkaji yang dapat memberi tumpuan terhadap kajian baru berkenaan kepentingan strategi-strategi ketenteraan Uthmaniyyah bagi memberi inspirasi kepimpinan sama ada dari sudut ketenteraan, pentadbiran, politik dan ekonomi.

Harapan penulis agar kajian ini dapat diteruskan kerana kepentingannya dan memberi manfaat kepada struktur pentadbiran sesebuah negara terutamanya melibatkan negara Islam. Cadangan-cadangan penulis ialah :

- I. Kajian ini adalah berbentuk kajian kepustakaan kerana banyak maklumat berguna yang boleh didapati dan amatlah baik jika semua maklumat ini disatukan dalam satu bentuk yang terperinci supaya dapat diperhalusi dan mengecilkan lagi skop kajian agar lebih jelas.
- II. Mengenal pasti kaedah ketenteraan atau pentadbiran zaman Uthmaniyyah terutamanya zaman pemerintahan Sultan Muhammad al-Fatih samaada ia masih dipraktikkan di mana-mana negara atau tidak.
- III. Mengenal pasti kesesuaian kaedah ketenteraan empayar Uthmaniyyah sama ada ianya masih relevan untuk digunakan pada masa kini serta kebaikan dan kelemahannya.

4.3 Penutup

Hasil kajian penulis dilakukan berdasarkan kapasiti atau keterbatasan penulis bagi memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan fakulti bagi dianugerahkan diploma. Segala hasil tulisan yang dipaparkan adalah berdasarkan maklumat yang didapati penulis melalui pencarian dan analisis berdasarkan kemampuan penulis. Penulis berharap jika terhadap kelemahan atau pemberian yang perlu dilakukan maka harapan penulis agar diteruskan lagi kajian seterusnya. Harapan penulis agar ianya sedikit sebanyak dapat memberi manfaat kepada pembaca dan memberi kemudahan bagi meneruskan kajian-kajian baru.

Akhir sekali, harapan penulis agar pembaca atau pihak tertentu dapat meneliti dan melihat akan kepentingan sejarah atau tamadun, lebih-lebih lagi tamadun Islam supaya diperkenalkan atau disebarluaskan kepada masyarakat agar dapat membuka minda dan memberi semangat kepada semua golongan lebih-lebih lagi golongan remaja supaya bangkit dan kuat dalam perjuangan dan sentiasa memanfaatkan akal fikiran kepada perkembangan yang positif samaada dalam kepimpinan dan sebagainya sebagaimana dipamerkan oleh Sultan Muhammad al-Fatih ataupun pemimpin-pemimpin Islam yang lain. Semoga hal ini menjadi pendorong kepada kekuatan Islam di masa akan datang, In sya Allah.

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim

Abdul Latip Talib. (2010). *Muhammad Al-Fateh Penakluk Konstantinopel*. PTS

Abdul Rahman, M. S. (2013). *Kuasa Kepimpinan al-Fateh*. Batu Caves, Selangor: PTS MILLENNIA SDN. BHD.

Ahmed Muhtar, *Feth-i Celil-i Konstantiniyye*, 243–260; Kritovoulos (Riggs), *History of Mehmed the Conqueror*, 51–52, 55–57.

Al-Sallabi, M. A. (2016). *The Greatest Sultan of Ottoman Muhammad al-Fatih Penakluk Konstantinopel dan Rom* (Abdul Rachman Saleh Siregar, Trans. *Fatih al-Qastantiniyyat al-Sultan Muhammad al-Fatih*. Kaherah: Dar al-tawzīy' wa al-nasyr al-Islamiyyat, (2006). Batu Caves, Selangor: AL-HIDAYAH PUBLICATION.

Amni, N.A. (2015). *The contribution of Sultan Muhammad al-fatih in siyasah syar'iyyah*. USIM: Nilai.

Aziz, N.A. (2004). *Nabawiyah's head: Human beings of all time*. Kuala Lumpur, Nufair Street Sdn Bhd.

Babinger, F., 1978. *Mehmed the Conqueror and His Time*. New Jersey: Princeton University Press.

Dewan bahasa dan Pustaka (2017). <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=strategi>

Dewan bahasa dan Pustaka (2017). <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=sultan>

Dewan bahasa dan Pustaka (2017). <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=utama>

Dolman, E.C., 2005. *Pure Strategy*. New York: Frank Cass.

Dr. Ali Muhammad Al-Salaabi, (2009). *Sultan Muhammad Al-Fateh The Conqueror of Constantinople The Fall of the West and the East*, London: Penerbit Al-Firdous LTD, hlm. 115-187.

Erdy Nasrul (2020). *Muhammad al-Fateh, Konstantinopel dan Strategi Perang*. <https://www.republika.id/posts/5438/muhammad-al-fatih-konstantinopel-dan-strategi-perang>

Evliya Celebi. (1971). *Evliya Celebi Seyahatnamesi*, eds. I.R. Dankoff, S.A. Kahraman, Y. Dagli. Istanbul:YKY.

Ezad Azraai Jamsari, Ammalina Dalillah Mohd Isa & Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari. (2014). Sultan Muhammad al-Fatih: Uthmaniyyah's Great Strategic Planner. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 20(12), 2158-2163.

Freely, J. (2009). *The Grand Turk Sultan Mehmed II-Conqueror of Constantinople and master of an empire and lord of two seas*. UK: London: I.B Tauris.

Fauzi, M.H., & Hasrul, M.S. (2017). Al-Ghazali's thought on ethics of living in the society based on bidayah al-hidayah. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(6), 846-8.

Ga'bor A' goston, *Guns for the Sultan, Military Power and the Weapons Industry in the Ottoman Empire* (Cambridge: Cambridge University Press, 2005), 20.

Halil Inalcik, "The Rise of Ottoman Historiography" in *From Empire to Republic: Essays on Ottoman and Turkish Social History* (Istanbul: The Isis Press, 1995), 13–14, 17, 21, 23, 25; Colin Imber, *The Ottoman Empire 1300–1481* (Istanbul: The Isis Press, 1990), 1–13.

Ibrahim, L., & Ermy, A.R. (2017). *The efficiency of military and defense governance the administration of the prophet Muhammad SAW*. UKM: Bangi.

Inal, H.I., 2008. *Osmanli tarihi*. Istanbul: Nokta Kitap.

Inalcik, H., 1967. *The re-building of Istanbul by Sultan Mehmed the Conqueror*. Cultura Turcica, 4(1-2), pp.5-15.

Inalcik, H., 2014. *Devlet-i Aliyye: Osmanli Imparatorlugu uzerine arastirmalar*. Istanbul: Is Bankasi Kultur Yayınlari.

Irwan, S.K. (2014). Wasathiyah concept in battle: Review of Nabawi's guide. *Seminar Warisan Nabawi (SWAN 2014) Kali Ke-4*. Universiti Sains Islam Malaysia.

Kinross, L. (1977). *The Ottoman centuries: The Rise and Fall of the Turkish Empire*. London: Jonathan Cape Ltd.

Kocu, R.E., 2004. *Osmanli padisahları*. Istanbul: Dogan Kitap.

Kritovoulos (Riggs), *History of Mehmed the Conqueror*, 39–40, 48.
Litera Utama Sdn Bhd.

Mahayudin Hj. Yahaya. (1993). *Sejarah Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti.

Mesut Uyar dan Edward J. Erickson, (2009). *A Military History of the Ottomans*. Santa Barbara, California: ABC-Clio LLC, hlm. 31-80.

Mohd Hasrul Shuhari, Mohd Safri Ali, Aman Daima Md. Zain, Mohammed muneer'deen, Siti Aisyah Mohamad Zin dan Omar, (2019). The Ethical Character of Sultan Muhammad Al-Fatih in Leadership: UNISZA, Terengganu., *Journal of Legal, Ethical and Regulatory Issues Volume 22, Special Issue 1*, 2019.

Muhammad Syaari Abdul Rahman. (2014). *Kuasa Kepimpinan Al-Fateh*. PTS Millennia Sdn. Bhd.

Nurullah Genc, N. Oyku Iyigun, Murat Yalcintas, 2015. Istanbul. Mehmed The Conqueror as a Case Study on Transformational Leadership. *Eurasian Journal of Social Sciences*, 3(1), 2015, 25-29.

Odahl, C.M (2004). *Constantine and the Christian Empire*. London: Routledge Taylor & Francis Group.

Ozguven, H. B. (2014). *Early Modern Military Architecture in the Uthmaniyyah Empire*. Nexus Netw J, 16, 737-749.

Pears, E. (1886). *The Fall of Constantinople being of The Fourth Crusade*. New York; Harper & Brothers, Franklin Square.

Rahmi Egemen and Naci C. akın, *Turk Silahlı Kuvvetleri Tarihi: İstanbul un Fethi 1453*, vol. 3, annex to section 3, (Ankara: Genelkurmay Basimevi, 1979), 97.

Runciman, S. (1965). *The Fall of Constantinople*. London: Cambridge University Press.

Steven Runciman, *The Fall of Constantinople 1453*, (Cambridge University Press, 1965), 60–62, 64.

Syaari, M.A.R. (2013). *Al fatih style thinking*. Batu Caves: PTS Millennia Sdn. Bhd.

Uzi Baram and Lynda Carroll, “*The Future of the Ottoman Past*,” in (ed.) Uzi Baram and Lynda Carroll, *A Historical Archaeology of the Ottoman Empire: Breaking New Ground*, (New York: Kluwer Academic Publishers, 2002), 3–13, 20–21.

Wan Nurhasniah Wan Husin, (2017, Februari). An Analysis On The Sultan Muhammad Al-Fateh’s Military Leadership Based On The Traditional Theory Of Just War, National Defense University of Malaysia: Proceedings of the *4th International Conference on Political Science, International Relations and Sociology (ic-PSIRS 2017)*, 07-09 February 2017, Palacký University, Olomouc, Czech Republic.

Zuhdi, A.K. (2015). The concept of jihad Yusuf al-Qardhawi in the work of Fiqh al-Jihad. *Journal of Islamic Dakwah (al-Hikmah)*, 7(1), 149-171.

LAMPIRAN A

Meriam Sultan Muhammad al-Fatih di Muzium Fort Nelson



Sumber: Lefroy, "The Great Cannon of Muhammad II", *Archaeological Journal*, XXV (1868), pp. 261-280.

LAMPIRAN B

Meriam Uthmaniyyah Sewaktu Penaklukan Konstantinopel pada 29 Mei 1453



Sumber: Ottoman Imperial Archives@OttomanArchieve.
<http://patreon.com/ottoman>

LAMPIRAN C

Sebahagian Meriam yang Digunakan di Tembok Rumeli Hissari



Sumber: A. Haluk Dursun (2019). *Old Istanbulities, Old Houses and Lifestyles In Istanbul*. Volume: 4 / Page:312-325

LAMPIRAN D

Sebahagian Bebola Meriam Batu yang Digunakan Sewaktu Penaklukan Konstantinopel (Muzium Tentera B)




istanbultarihi.ist

Sumber: A. Haluk Dursun (2019). *Old Istanbulities, Old Houses and Lifestyles In Istanbul*. Volume: 4 / Page:312-325

LAMPIRAN E

Pedang Sultan Muhammad al-Fatih (Muzium Istana Topkapi, Istanbul)




istanbultarihi.ist

Sumber: A. Haluk Dursun (2019). *Old Istanbulities, Old Houses and Lifestyles In Istanbul.* Volume: 4 / Page:312-325

LAMPIRAN F

Kubu Rumelli Hissari Seluas 30000 Meter Persegi di Bahagian Eropah Istanbul



Sumber: Istanbul Muzium. <https://muze.gen.tr/muze-detay/rumeli>

LAMPIRAN G

Pemandangan dari Udara Istana Topkapi



Sumber: Enes Sahin (2020). <https://expatguideturkey.com/topkapi-palace/>

LAMPIRAN H

Hagia Sophia, Istanbul Turkey



Sumber: The editors of Encyclopaedia Britannica (2023).

<https://www.britannica.com/topic/Hagia-Sophia>

LAMPIRAN I

Masjid Biru (Sultan Ahmed Camii)



Sumber: Sedefkâr Mehmed Ağa, the Blue Mosque (Sultan Ahmed Mosque), completed in 1617 (photo: [Oberazzi](#), CC BY-NC-SA 2.0)